

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 26

Pertumbuhan ekonomi China, AS sokong ringgit

Pertumbuhan ekonomi China, AS sokong ringgit

Mata wang tempatan dijangka cecah RM3.70 berbanding dolar AS menjelang 2024

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Ringgit boleh mencecah RM3.70 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) menjelang akhir tahun depan, disokong pertumbuhan China yang kukuh dan ekonomi AS yang bertahan.

Ketua Ahli Ekonomi Maybank Investment Bank, Suhaimi Ilias, berkata jangkaan perkembangan di dua-kuasa besar ekonomi dunia itu akan menyokong pertumbuhan Malaysia yang turut akan menjadi kukuh, sekali gus menyokong mata wang tempatan.

"Kadar inflasi juga mereda dan kekal pada tahap yang boleh diurus. Bank Negara Malaysia (BNM) turut berkemungkinan tidak akan menaikkan Kadar Dasar Semalam (OPR) kerana bank pusat itu melihat bahawa kadar

faedah berada pada paras normal, namun perbezaan kadar faedah dengan AS sepertutnya melebar apabila Rizab Persekutuan (Fed) mengurangkan kadar.

"Dalam senario ini, nilai AS berbanding ringgit sepertutnya mencecah RM4.30 menjelang akhir tahun ini dan menghampiri paras RM3.70 menjelang akhir 2024," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Bagaimanapun, dalam senario terburuk, Suhaimi berkata, ringgit mungkin mencecah sekitar RM4.70 berbanding dolar AS pada akhir 2023 dan menghampiri paras RM5.00 menjelang akhir 2024.

"Ini berlaku jika inflasi Malaysia meningkat seperti mana yang dihadapi di AS yang ekoninya juga mencatat kemelesetan."

"BNM mungkin menaikkan kadar untuk menangani inflasi yang

tinggi, tetapi kadarnya mungkin masih kettinggalan berbanding AS, di tengah-tengah keimbangan keadaan ekonomi tempatan," katanya.

Kadar faedah dijangka kekal

Sementara itu, beliau menjelaskan, dalam kes asas ringgit mungkin berakhir pada paras sekitar RM4.57 menjelang akhir tahun dan kira-kira RM4.20 pada 2024.

"Dalam keadaan ini, Malaysia masih akan mencatatkan pertumbuhan positif di tengah-tengah pemuliharan di China dan inflasi juga berkurangan.

"BNM mungkin tidak menaikkan kadar faedah dengan bank pusat melihat pada tahap normal sekali lagi, tetapi berdasarkan pengurangan kadar faedah dari Fed serta perbezaan kadar mungkin meningkatkan manfaat ringgit," katanya.

 Kadar inflasi juga mereda dan kekal pada tahap yang boleh diurus. Bank Negara Malaysia turut berkemungkinan tidak akan menaikkan OPR 

Suhaimi Ilias,
Ketua Ahli Ekonomi Maybank Investment Bank



Ringgit meneruskan penurunannya berbanding dolar AS pada sesi awal pagi semalam selepas minat risiko dalam pasaran tempatan terjejas disebabkan pengukuran ketara mata wang negara maju itu menjelang Mesyuarat Jawatankuasa Terbuka Persekutuan AS (FOMC).

Bulan lalu, OCBC Bank dalam laporan tinjauan ekonomi separuh kedua 2023 berkata, prestasi lemah ringgit berbanding negara serantau adalah disebabkan oleh enam faktor yang memberi tekanan kepada mata wang tempatan itu.

Bank itu berkata, faktor luaran adalah termasuk penurunan renminbi ekoran kelemahan ekonomi China, kekuatan dolar AS, kadar pulangan hasil perbendaharaan AS yang jauh lebih tinggi daripada Malaysia serta kelemahan umum dalam harga minyak.

Faktor domestik pula termasuk lebihan akaun semasa yang semakin berkurangan dan langkah berhati-hati BNM mengetatkan dasar monetari selepas penurunan Indeks Harga Pengguna (IHP) utama.

Terdahulu, penganalisis menjelaskan bahwa nilai wajar bagi ringgit diunjurkan berada pada paras antara RM4.10 hingga RM4.37 berbanding dolar AS.